

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH : 24 FEBRUARI – 3 MAC 2017

KERATAN AKHBAR

Utama
4 | SelangorKini 24 Februari - 3 Mac 2017

Pencemaran Sungai Semenyih

Bentang laporan dalam Sidang DNS Mac

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor (JPK-SAS) akan membentangkan penyata laporan berhubung punca dan kesan pencemaran Sungai Semenyih dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), akhir Mac ini.

Pengerusinya, Ng Sze Han berkata, segala laporan dan saranan dikemukakan pihak serta agensi berkaitan dalam sesi taklimat itu akan dikaji secara terperinci bagi melengkapkan penyata berkenaan.

"Semua agensi antaranya Air Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) sudah memberi taklimat lengkap berhubung perkara ini.

"Jawatankuasa akan mengkaji dan membincangkannya dalam mesyuarat akan datang sebelum diputus dan dikemukakan dalam sidang DNS," katanya kepada SelangorKini, di sini, pada 14 Februari lalu.

Beliau berkata demikian selepas sesi taklimat JPK-SAS berkenaan punca dan kesan pencemaran Sungai Semenyih yang berlaku, pada Oktober tahun lalu.

Bagaimanapun, Ahli Dewan Negeri Kinrara itu berkata, pihaknya berpandangan usaha berterusan perlu dilakukan bagi penambahbaikan perkara terbabit dalam usaha menangannya daripada berulang.

"Jawatankuasa berpandangan masih terdapat ruang dalam penambahbaikannya dan segala saranan diberi akan diambil kira," katanya.



UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800